



Bank Pilihan Anda

SOALAN LAZIM

PROGRAM PEMBIAYAAN BRTANI

1) Apakah itu program pembiayaan BRTani?

BRTani adalah program pembiayaan berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) baharu yang merupakan sebahagian daripada mandat Bank Rakyat untuk menyokong sektor pertanian dan industri asas tani selaras dengan agenda negara untuk meningkatkan keselamatan dan keterjaminan makanan.

2) Siapakah yang layak untuk memohon kemudahan BRTani ini?

- Usahawan sektor pertanian dan industri asas tani perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta koperasi
- Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan atau daerah
- Perniagaan patuh Syariah
- Perniagaan sepenuh masa
- Telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun
- Rekod CTOS dan CCRIS yang memuaskan

3) Apakah tujuan kemudahan ini ditawarkan?

- Perbelanjaan modal (termasuk pembelian mesin dan alatan serta ubah suai premis)
- Modal kerja
- Pembangunan projek agromakanan

4) Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan menerusi program ini?

Pembiayaan Berjangka-i sahaja.

5) Berapakah jumlah pembiayaan yang ditawarkan bagi program ini?

Kategori	Jumlah (RM)
Mikro dan koperasi mikro	RM5,000 sehingga RM50,000
PKS dan koperasi	RM50,001 sehingga RM5,000,000



Bank Pilihan Anda

- 6) Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan bagi program pembiayaan ini?**

Serendah 3.75% setahun

- 7) Adakah cagaran diperlukan bagi program pembiayaan ini?**

Tiada cagaran diperlukan.

- 8) Adakah terdapat perlindungan jaminan bagi program pembiayaan ini?**

Kategori	Perlindungan Jaminan
PMKS	Ya. 1. Jaminan perseorangan atau bersama oleh pengarah syarikat 2. Jaminan korporat oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).

- 9) Berapakah tempoh pembiayaan maksimum bagi program pembiayaan ini?**

Sehingga lapan tahun* (termasuk tempoh penangguhan)

*Tempoh penangguhan (grace period) tertakluk pada keperluan projek atau perniagaan.

- 10) Apakah maksud tempoh penangguhan?**

Tempoh penangguhan adalah penangguhan bayaran pokok (principal) pembiayaan untuk jangka masa yang ditetapkan oleh Bank. Sepanjang tempoh penangguhan ini, pelanggan hanya perlu membayar ansuran keuntungan sahaja.

- 11) Adakah pelanggan boleh melanggan program pembiayaan BRTani secara automatik?**

Tidak. Permohonan BRTani masih tertakluk pada proses penilaian dan kelulusan Bank.